LPPSA
LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

# BORANG PERMOHONAN PEMBATALAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN

| **BAHAGIAN 1: MAKLUMAT PELANGGAN** | |
|---|---|
| Nama Pelanggan | |
| No. Kad Pengenalan | |
| No Telefon | |
| Alamat Emel | |
| No Akaun Pinjaman | |
| Alamat Surat Menyurat | |
| Nama dan Alamat Tempat Bertugas Terkini | |
| **BAHAGIAN 2: MAKLUMAT HARTANAH** | |
| Nama Pemaju | |
| Nama Projek | |
| Alamat Hartanah | |

**BAHAGIAN 3: JENIS PEMBATALAN**

Sila tandakan ( ✓ ) pada Jenis Pembatalan yang terlibat dengan merujuk kepada **Lampiran 1 dan Lampiran 2.**

| No | Jenis Pembatalan | Sila Tandakan ( ✓ ) |
|---|---|---|
| 1. | Pembatalan Pembiayaan Perumahan atas sebab Peribadi. | |
| 2. | Pembatalan Pembiayaan Perumahan atas sebab Projek Terbengkalai/ Bermasalah (Tanpa Lesen)/ Sakit/ Dibatalkan oleh Pemaju atau Pihak Berkepentingan. | |

**BAHAGIAN 4: PENJADUALAN SEMULA ARAHAN POTONGAN GAJI/PENCEN**

Sila tandakan ( ✓ ) bagi persetujuan penjadualan semula amaun potongan gaji/pencen

| No | Persetujuan Penjadualan Semula Arahan Potongan Gaji/Pencen | Sila Tandakan ( ✓ ) |
|---|---|---|
| 1. | Saya **bersetuju** untuk membuat penjadualan semula potongan gaji/pencen supaya **potongan bulanan menjadi lebih rendah** dan **tempoh potongan dilanjutkan sehingga tamat tempoh pembiayaan.** | |
| 2. | Saya **tidak bersetuju** untuk membuat penjadualan semula potongan gaji/pencen dan bersetuju untuk **mengekalkan potongan bulanan sedia ada**. | |

**BAHAGIAN 5: PENGESAHAN PELANGGAN**

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat di atas adalah benar dan bersetuju serta memahami terma dan syarat serta implikasi pembatalan pembiayaan seperti di **Lampiran 2**.

…………………………………………………………
(Tandatangan Pelanggan)
Tarikh:

**BAHAGIAN 6: UNTUK KEGUNAAN LPPSA**

| Status | Sila Tandakan ( ✓ ) |
|---|---|
| Dokumen Lengkap | |
| Tolak | |
| Kuiri | |

…………………………………………………………
(Tandatangan Pegawai)
Tarikh:

**Nota Penting:**

1. **Pelanggan dikehendaki membaca dan wajib memahami syarat serta implikasi ke atas pembatalan pembiayaan perumahan seperti di Lampiran 2.**
2. **Pelanggan hendaklah mengembalikan Borang Permohonan Pembatalan ini dan Surat Akujanji (lampiran 1) yang telah ditandatangani berserta dokumen yang berkaitan seperti di lampiran 3.**
3. **LPPSA berhak untuk menolak permohonan ini sekiranya permohonan tidak lengkap serta tidak menepati terma dan syarat yang ditetapkan.**

**Permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada:**
**Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, No.9, Kompleks Kementerian Kewangan, Persiaran Perdana, Presint 2, 62592 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

**LAMPIRAN 1**

Rujukan Kami :
Tarikh :

Nama Peminjam :
Alamat terkini peminjam :

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor AwamJabatan
Pentadbiran Kredit 1
Seksyen Pengurusan Pembiayaan
Tingkat 4, Kompleks Kementerian KewanganPersiaran
Perdana Presint 2,
62592 PUTRAJAYA

Tuan/Puan,

**PERKARA : AKUJANJI PELEPASAN TANGGUNGAN KEMUDAHAN DAN PENAMATAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BAI BITHAMAN AJIL / PEMBATALAN PEMBIAYAAN.**

**NO AKAUN :**

**HARTANAH :**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sebagai balasan kepada persetujuan pihak LPPSA ke atas permohonan saya untuk membatalkan kemudahan pembiayaan saya dengan LPPSA serta bagi tujuan pelepasan dokumen sekuriti dan pemulangan baki hutang (sekiranya ada), dengan ini mengakujanji dan menanggungrugi LPPSA dengan ketidakboleh batalan tanpa persetujuan daripada pihak LPPSA dan tanpa syarat sebagai kewajipan yang berterusan seperti berikut:

i. Mengakujanji akan membayar balik kepada LPPSA segala bayaran yang telah dikeluarkan oleh LPPSA berserta faedah secara sekaligus atau sepertimana yang dipersetujui oleh LPPSA;

ii. Mengarahkan LPPSA untuk memberhentikan segala pengeluaran baki bayaran kemudahan pembiayaan yang belum dilepaskan oleh LPPSA kepada pemaju/ kontraktor (termasuk mana-mana pemaju/ kontraktor/ pelikuidasi yang akan mengambil alih projek tersebut) dan/ atau pemegang pertaruhan;

iii. Mengakujanji bahawa saya akan bertanggungjawab untuk memaklumkan pemaju/ kontraktor/ pelikuidasi/ pemegang pertaruhan berkenaan akaun pinjaman perumahan saya yang telah selesai dengan LPPSA dan bertanggungjawab dengan sendiri ke atas tuntutan pemaju/ kontraktor (termasuk mana-mana pemaju/ kontraktor/ pelikuidasi yang akan mengambil alih projek tersebut) dan/ atau pemegang pertaruhan bagi baki bayaran kemudahan pembiayaan yang masih belum dikeluarkan (sekiranya ada);

iv. Mengakujanji bahawa pihak LPPSA tidak akan bertanggungan ke atas apa jua implikasi perundangan/ kewangan terhadap pemaju/ kontraktor (termasuk mana-mana pemaju/ kontraktor/ pelikuidasi yang akan mengambil alih projek tersebut) dan/ atau pemegang pertaruhan dan/ atau mana-mana pihak lain yang timbul hasil daripada akujanji ini;

v. Mengakujanji menanggungrugi kepada pihak LPPSA bagi sebarang kerugian, gantirugi, tuntutan, denda,kos dan sebarang perbelanjaan lain (termasuk kos perundangan) yang mungkin akan di tanggung olehpihak LPPSA sekiranya terdapat sebarang tuntutan atau tindakan undang-undang oleh mana-mana pihak atas penamatan dan pembatalan pembiayaan ini; dan

vi. Mengakujanji bahawa surat ini ditandatangani secara sukerala tanpa ada sebarang apa-apa elemen paksaan, ugutan atau dorongan daripada mana-mana pihak dan menyedari serta memahami sepenuhnya daripada implikasi menandatanganinya di sini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

……………………………………
Nama :
Tarikh :
No. Telefon :

**LAMPIRAN 2**

| JENIS PEMBATALAN | SYARAT-SYARAT | IMPLIKASI |
|---|---|---|
| **Pembatalan Pembiayaan Perumahan atas sebab Peribadi** | 1. LPPSA hanya akan memproses permohonan pembatalan pembiayaan yang lengkap dan diterima daripada pelanggan sahaja.<br>2. Pelanggan adalah tidak dibenarkan membatalkan pembiayaan setelah bayaran kemajuan 100% dikeluarkan.<br>3. LPPSA tidak akan mengeluarkan baki pembiayaan yang belum dikeluarkan kepada Penjual/ Pemaju/ Kontraktor selepas Pembatalan Pembiayaan.<br>4. Pelanggan perlu berurusan dengan Penjual/ Pemaju/ Kontraktor dan Peguam berkenaan sebarangan urusan berkaitan Perjanjian Jual Beli dan urusan baki pembiayaan selepas proses pembatalan pembiayaan.<br>5. Pembiayaan yang telah dibatalkan tidak boleh diaktifkan semula dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan. | 1. BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN<br>Pelanggan yang memohon membatalkan pembiayaan dan sekiranya diluluskan, dikehendaki menyelesaikan baki hutang sepenuhnya secara sekaligus mengikut jumlah yang dikeluarkan termasuk premium Insurans/ Takaful yang digunakan beserta faedah/ keuntungan terkumpul. Sekiranya tiada pembayaran sekaligus dibuat, Arahan Potongan Gaji/ Pencen (APG/ APP) akan dilaksanakan mengikut surat kelulusan pembiayaan.<br><br>2. POLISI INSURANS/ TAKAFUL<br>i. Pembatalan melibatkan akaun yang telah dilaksanakan pengeluaran Bayaran Harta dan Bayaran Insurans/ Takaful:<br>- Polisi insurans/ takaful akan dikekalkan sehingga baki hutang diselesaikan sepenuhnya.<br>ii. Pembatalan melibatkan akaun yang telah dilaksanakan pengeluaran bayaran Insurans/ Takaful sahaja:<br>- LPPSA akan mengeluarkan Surat Pembatalan Polisi insurans/ takaful kepada syarikat insurans/ takaful bagi tuntutan lebihan premium/ sumbangan yang belum digunakan.<br><br>3. STATUS KELAYAKAN PEMBIAYAAN.<br>i. Pembatalan melibatkan akaun yang telah dilaksanakan pengeluaran Bayaran Harta dan Bayaran Insurans/ Takaful:<br>a. Jika pembatalan adalah bagi pembiayaan pertama;<br>Pelanggan dibenarkan memohon pembiayaan kedua selepas menyelesaikan baki hutang dan ia dianggap sebagai pembiayaan terakhir.<br>b. Jika pembatalan adalah bagi pembiayaan kedua;<br>Pelanggan tidak dibenarkan memohon pembiayaan seterusnya selepas menyelesaikan baki hutang.<br><br>ii. Pembatalan melibatkan akaun yang telah dilaksanakan pengeluaran Bayaran Insurans/ Takaful sahaja:<br>a. Jika pembatalan adalah bagi pembiayaan pertama;<br>Pelanggan dibenarkan memohon pembiayaan pertama semula selepas menyelesaikan baki hutang.<br>b. Jika pembatalan adalah bagi pembiayaan kedua:<br>Pelanggan dibenarkan memohon pembiayaan kedua semula selepas menyelesaikan baki hutang.<br><br>4. STATUS PEMULANGAN HAKMILIK/ GERAN.<br>LPPSA akan memulangkan Hakmilik/ Geran kepada pihak Pemaju atau tertakluk kepada prosedur LPPSA. |
| **Pembatalan Pembiayaan Perumahan atas sebab projek perumahan terbengkalai** | 1. LPPSA hanya akan memproses permohonan pembatalan pembiayaan sekiranya permohonan yang lengkap diterima daripada pelanggan sahaja.<br>2. Pelanggan perlu melampirkan Surat pengesahan status Projek Perumahan Terbengkalai/ Bermasalah (Tanpa Lesen)/ Sakit oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT)/ Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan (KKTP) Sabah/ Sarawak.<br>3. LPPSA tidak akan mengeluarkan baki pembiayaan yang belum dikeluarkan kepada Penjual/ Pemaju/ Kontraktor selepas Pembatalan Pembiayaan.<br>4. Pembiayaan yang telah dibatalkan tidak boleh diaktifkan semula dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan. | 1. BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN<br>Pelanggan yang memohon membatalkan pembiayaan dan sekiranya diluluskan, dikehendaki menyelesaikan baki hutang sepenuhnya secara sekaligus mengikut jumlah yang dikeluarkan termasuk premium Insurans/ Takaful yang digunakan beserta faedah/ keuntungan terkumpul. Sekiranya tiada pembayaran sekaligus dibuat, Arahan Potongan Gaji/ Pencen (APG/ APP) akan dilaksanakan mengikut surat kelulusan pembiayaan.<br><br>2. POLISI INSURANS/ TAKAFUL<br>i. Pembatalan melibatkan akaun yang telah dilaksanakan pengeluaran Bayaran Harta dan Bayaran Insurans/ Takaful:<br>- Polisi insurans/ takaful akan dikekalkan sehingga baki hutang diselesaikan sepenuhnya.<br>ii. Pembatalan melibatkan akaun yang telah dilaksanakan pengeluaran bayaran Insurans/ Takaful sahaja:<br>- LPPSA akan mengeluarkan Surat Pembatalan Polisi insurans/ takaful kepada syarikat insurans/ takaful bagi tuntutan lebihan premium/ sumbangan yang belum digunakan.<br><br>3. STATUS KELAYAKAN PEMBIAYAAN.<br>Pelanggan yang memohon membatalkan pembiayaan kerana terlibat dengan Projek Perumahan Terbengkalai/ Bermasalah (Tanpa Lesen)/ Sakit/ dibatalkan oleh pemaju/ pihak berkepentingan yang disahkan oleh KPKT/ KKTP adalah dibenarkan memohon semula pembiayaan pertama/ kedua yang mana berkaitan selepas pembatalan pembiayaan diluluskan.<br><br>4. STATUS PEMULANGAN HAKMILIK/ GERAN.<br>LPPSA akan memulangkan Hakmilik/ Geran kepada pelanggan atau tertakluk kepada prosedur LPPSA. |

## SENARAI SEMAK DOKUMEN

**1. Pembatalan Pembiayaan Perumahan atas sebab Peribadi.**

| No | Dokumen | Sila tandakan (✓) |
|---|---|---|
| 1. | Borang Permohonan Pembatalan Pembiayaan Perumahan | |
| 2. | Akujanji Pelepasan Tanggungan Kemudahan Dan Penamatan Kemudahan Pembiayaan Bai Bithaman Ajil / Pembatalan Pembiayaan (Lampiran 1). | |

**2. Pembatalan Pembiayaan Perumahan atas sebab Projek Terbengkalai/ Bermasalah (Tanpa Lesen)/ Sakit/ Dibatalkan oleh Pemaju atau Pihak Berkepentingan.**

| No | Dokumen | Sila tandakan (✓) |
|---|---|---|
| 1. | Borang Permohonan Pembatalan Pembiayaan Perumahan | |
| 2. | Akujanji Pelepasan Tanggungan Kemudahan Dan Penamatan Kemudahan Pembiayaan Bai Bithaman Ajil / Pembatalan Pembiayaan (Lampiran 1). | |
| 3. | Surat Pengesahan status projek dari KPKT atau KKTP Sabah/ Sarawak<br>• Surat pengesahan ini mestilah dalam tempoh 6 bulan terkini dari tarikh semasa. | |